

RM6.3 juta laksana program tebatan banjir

Ipoh: Sebanyak RM6.3 juta akan disalurkan ke beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) di Perak untuk melaksanakan program tebatan banjir di kawasan masing-masing tahun ini.

Peruntukan berkenaan adalah sebahagian daripada RM7.5 juta Wang Sumbangan Saliran daripada pemaju yang melaksanakan program pembangunan di negeri ini yang diuruskan Jawatankuasa Sumbangan Saliran Perak, dikutip daripada Julai tahun lalu sehingga kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kerajaan Tempatan, Hal Ehwal Pengguna, Alam Sekitar, Pengangkutan dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri, Datuk Dr Mah Hang Soon, berkata antara projek terbabit ialah tebatan banjir di Taman Harmonis di Manjung bernilai RM1.1 juta, zon keselamatan banjir di Bercham (RM500,000) serta di Lim Garden di Ipoh (RM322,000).

"Kutipan paling tinggi untuk Wang Sumbangan Saliran adalah di Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) iaitu sekitar RM2.5 juta disusuli Majlis Perbandaran Manjung (MPM) sebanyak RM1.9 juta.

"Kedua-dua PBT ini menyumbang hampir 75 peratus kepada akaun berkenaan, secara tidak langsung menggambarkan pola pembangunan Perak yang banyak tertumpu di dua PBT berkenaan," katanya di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak, Datuk Ir Abdul Razak Dahalan.

600 hektar sudah dibangunkan

Hang Soon berkata, berdasarkan kutipan dilakukan di semua PBT di negeri ini, sekitar 600 hektar sudah dibangunkan pemaju sepanjang tahun lalu dengan daerah Manjung menjadi kawasan paling pesat membangun daripada aspek keluasan.

Katanya, akaun Wang Sumbangan Saliran ditubuhkan selepas diluluskan dalam Mesyuarat EXCO Kerajaan Perak pada September 2010 sebagai salah satu usaha kerajaan negeri bagi meningkatkan hasil yang kemudian digunakan untuk manfaat rakyat.

Beliau berkata, kadar dipersetujui bagi kutipan bayaran sumbangan saliran yang perlu dibayar pemaju ialah RM5,000 bagi 0.4 hektar.